



Ministry of Industry and Primary Resources

Teks Ucapan  
Tetamu Kehormat  
Yang Mulia  
Hajah Dayang Normah Suria Hayati  
Setiausaha Tetap

Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama

Sempena

Pertandingan Akhir Keusahawanan Muda Bagi  
Sekolah-Sekolah Menengah/Maktab Kerajaan  
Senegara Bagi Tahun 2013

Anjuran:

Bahagian Kaunseling Dan Kerjaya

Jabatan Sekolah-Sekolah

Pada Hari Selasa, 26 Nobember 2013

Di Dewan Seri Kenangan, Daerah Tutong

Bismillah Hir Rahman Nir Rahim

Yang Berhormat, Penghulu Mukim Keriam, Dato Haji Taha bin Raub, Yang Berhormat, Penghulu Mukim Telisai, Awang Haji Ramli bin Lahit, Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr Haji Junaidi bin Haji Abd Rahman, Yang Mulia, Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Pegawai Daerah Tutong, Pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampong, para guru, peserta-peserta pertandingan, para pelajar, hadirin dan hadirat yang kaola/saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullah Hi  
Wabarakatuh dan Salam Sejehtera

Alhamdulillah hi rab bil alamin, segala puji dan syukur kehadrat Allah Subahanawataala selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallahu ‘Alaiwassalam, kaum kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Bersyukur kita pada petang ini kerana dengan izin Allah Subahanawataala jua maka kita dapat hadir di Majlis Pertandingan Akhir Keusahawanan Muda bagi sekolah-sekolah dan Maktab tahun 2013 pada pagi ini. Saya tidak

I lupa mengucapkan terima kasih kepada pihak pengajur kerana sudi menjemput saya selaku Tetamu Kehormat pada petang ini.

Ekonomi Negara Brunei Darussalam telah lama bergantung kepada minyak dan gas. Dan telah tiba masanya kita berusaha dan berikhtiar bagi mencari sumber pendapatan negara luar daripada sektor ini. Jika kita melihat akan kelebihan negara ini, negara yang mempraktikkan pentadbiran Islam yang sebenar membuka peluang bagi perkembangan Industri halal. Jika ianya dirancang dengan baik, negara ini berpeluang untuk menembusi pasaran seramai 1.8 billion penduduk berugama Islam diseluruh dunia. Ini adalah usaha yang sedang dikendalikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia bagi mempelbagaikan ekonomi negara.

Justeru itu, kita juga perlu bersedia dengan engin-engin penggerak perniagaan yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing. Dan usaha yang dikendalikan oleh Bahadian Kaunseling dan Kerjaya bagi mendidik penuntut-penuntut supaya gemar bermula sangatlah bertepatan. Bak perpatah melayu, “**JIKA MELENTUR BULUH BIAR MASA REBUNGNYA**”. Semangat ingin berjuang, tidak gentar kepada cabaran-cabaran, innovatif dan rajin berusaha perlu ditanam kepada para penuntut dari peringkat awal lagi. Usaha untuk mengendalikan pertandingan seperti apa yang dibuat hari ini sememangnya memberikan

peluang bagi penuntut-penuntut mencoba dan mempelajari selok belok perniagaan.

Saya telah difahamkan bahawa penuntut-penuntut juga diberikan kursus pendek keusahawanan serta ceramah motivasi. Usaha ini bukan saja menambah ilmu pengetahuan tetapi memberikan garispandu yang berguna bagi penuntut-penuntut jika ingin meneruskan kerjaya sebagai seorang pengusaha.

Adalah juga perlu diingatkan bahawa, bidang perniagaan menghadapi untung rugi nya dan menghadapi berbagai cabaran dan cobaan. Kesilapan haruslah dijadikan sebagai satu pengajaran. Dan bagi peniaga-peniaga baru

langkah terbaik ialah bermula secara kecil-kecilan i.e “start small”. Perusahaan yang kecil-kecilan dan ringan merupakan satu platform bagi mempelajari selok belok perniagaan dan jika menghadapi kerugian tidak lah begitu rumit untuk diatasi.

Saya juga dimaklumkan bahawa penuntut-penuntut juga dikehendaki untuk membuat buku skrap mengenai ahli perniagaan tempatan bagi dijadikan contoh atau ‘role model’ bagi tujuan menyuntik semangat para pelajar serta berkongsi maklumat dan idea mengenai dengan pendekatan mereka dalam memulakan perniagaan.

Kejayaan sememangnya tidak dapat diraih sekelip mata. Kita perlu bekarih, bejarih barutah belurih. Daripada contoh yang dikaji ke atas peniaga tempatan, juga mengambarkan banyak yang memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan ada yang bermula dari rumah ke rumah mengayuh basikal dan ada yang menggunakan kereta sebelum membuka premis bermula yang tetap.

Pendedahan penuntut-penuntut kepada penyelidikan atau research tentang industri-industri lain yang boleh diceburi selain daripada permakanan membuka spektrum yang lebih luas untuk dicaburi. Di antara ciri-ciri pengusaha berjaya ialah individu yang berinovatif, kreatif,

berani mengambil resiko serta mempunyai minda yang positif.

Selain daripada Industri Halal, peluang-peluang perniagaan juga terbuka di bidang pelancongan dan kraftangan. Penuntut-penuntut yang mempunyai pengetahuan yang luas mengenai negara ini boleh memulakan bisnis sebagai ‘freelance tour guide’. Produk kraftangan juga boleh dikentengahkan sebagai cendramata dan buah tangan pelancong. Bisnis ini lebih mudah dan tidak memerlukan model yang berat.

Semoga penuntu-penuntut yang meraih kemenangan pada petang ini akan meneruskan

perjuangan mereka untuk menjadi pengusaha yang berjaya di masa yang akan datang.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan serta kepada semua agensi yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Majlis pada hari ini. Saya berharap semoga usaha yang berkebajikan ini supaya dapat diteruskan sehingga ianya melahirkan pengusaha yang berjaya dikalangan anak-anak muda tempatan. Dengan kegigihan kita, tidak kenal penat lelah sambil memohon kepada Allah subahanawataala, Insya Allah satu masa nanti anak-anak muda kita juga akan boleh berjaya di arena antarabangsa.

Sekian. Wabillahi Taufiq Wal-Hidayah Wassalamu  
'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaaatuh.